

NO. SOALAN: 387

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI
BUKAN JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN

**DARIPADA : RAJA DATO' KAMARUL BHRIN SHAH
[KUALA TERENGGANU]**

RUJUKAN : 8036

SOALAN:

Raja Dato' Kamarul Bahrin Shah [Kuala Terengganu] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan sejak merdeka berapa orang ahli komunis telah ditangkap di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA) dan berapa orang tangkapan kategori lain telah ditangkap dalam tempoh yang sama.

JAWAPAN:

Akta Keselamatan Dalam Negeri (AKDN) 1960 telah digubal pada tahun 1960. Sehubungan itu, semenjak ianya dikuatkuasakan sehingga bulan September 2011, sebanyak 9,837 orang telah diambil tindakan di bawah Akta tersebut. Daripada jumlah tersebut, seramai 9,192 orang terlibat dengan kegiatan Komunis, 106 orang ditangkap kerana terlibat dengan aktiviti pelampau atau ekstremis dan 490 orang lagi terlibat dengan aktiviti penyeludupan Pendatang Tanpa Izin, pemalsuan dokumen dan matawang. Manakala baki seramai 49 orang pula telah ditangkap kerana melibatkan diri dengan kumpulan militan.